

**PENGUASAAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA MELAYU MURID  
TAHUN ENAM : KESAN KEDUDUKAN SEKOLAH, JANTINA, DAN  
SOSIOEKONOMI KELUARGA**

**MANIVANNAN A/L SUBRAMANIAM**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM**

**2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

15.6.2004

  
**MANIVANNAN A/L SUBRAMANIAM**  
**No.Pend. 2001-00186**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood kerana kesudian beliau menjadi penyelia saya walaupun sibuk dengan tugas akademik dan penerbitan. Dorongan, semangat dan kerjasama yang beliau berikan selama ini, dapat saya menyiapkan laporan kajian ini sesempurna yang mungkin.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Dr. Ahmad Hashim dan Prof. Dato' Dr. Ahmad Mahzan Ayob dari Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia yang turut membantu saya untuk menyemak, memurni dan memantapkan lagi Bab IV kajian ini.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada Dekan Fakulti Bahasa Dr. Nor Azmi Bin Mostafa dan semua pensyarah fakulti bahasa yang banyak membantu proses penyelidikan ini. Setinggi penghargaan juga dihulurkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana kebenaran untuk menjalankan sebarang penyelidikan.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada guru-guru besar, yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah mereka. Begitu juga kepada para guru dan murid yang dengan rela hati memberi kerjasama dan maklumat yang diperlukan.

Tidak ketinggalan saya mengucapkan terima kasih kepada keluarga tercinta yang sentiasa sabar, faham dan memberi sokongan moral kepada saya selama ini. Begitu juga dengan rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi perangsang dan bantuan semasa saya memerlukannya.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat membantu saya secara langsung dan tidak langsung untuk menyempurnakan kajian ini, diucapkan terima kasih.

Sekian.





## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid darjah enam dan meninjau sama ada wujud perbezaan penguasaan perbendaharaan kata antara murid di bandar dan di luar bandar. Selain faktor jantina pengkaji juga melihat faktor sosioekonomi keluarga yang mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid. Kajian ini diadakan di dua lokasi yang berbeza. Sekolah Kebangsaan Manjoi 1, Ipoh dan Sekolah Kebangsaan Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh mewakili kawasan bandar manakala Sekolah Kebangsaan Jalan Pengkalan Pegoh, Lahat dan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Baru, Kampung Kepayang mewakili kawasan luar bandar. Seramai 100 orang murid terlibat dalam kajian ini. Bentuk perbendaharaan kata yang diberi tumpuan ialah kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Dapatan kajian menunjukkan, daripada 100 sampel hanya 46.00% murid sahaja dapat menggunakan lebih daripada min purata 17.16 perkataan. Hal ini menggambarkan sejumlah besar murid, iaitu melebihi 50% belum dapat menguasai perbendaharaan kata yang baik. Setelah dibuat perbandingan ternyata ada kebenarannya bahawa penguasaan perbendaharaan kata murid di bandar lebih baik daripada murid di luar bandar. Walaupun kajian lepas membuktikan bahawa murid perempuan mempunyai penguasaan perbendaharaan kata yang tinggi namun, pengkaji mendapati kajian ini sebaliknya. Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati penguasaan perbendaharaan kata murid sekolah rendah banyak dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi keluarga. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain untuk meneruskan kajian yang berkaitan.





## **THE MASTERY OF BAHASA MELAYU VOCABULARY AMONG YEAR SIX PUPILS: EFFECT OF SCHOOL LOCATION, SEX AND FAMILY'S SOCIOECONOMIC BACKGROUND**

### **ABSTRACT**

This research is carried out to explore the extent of mastery of the Bahasa Melayu vocabulary among year Six pupils and to survey whether there exists a difference in the level of proficiency between rural and urban school pupils. Besides gender, the researcher has also taken into account the socioeconomic factors of the families, which influence the mastery of vocabulary among pupils. The research was carried out in two different locations. SK Manjoi 1, Ipoh and SK Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh representing urban schools while SK Jalan Pengkalan Pegoh, Lahat and SK Pengkalan Baru, Kampung Kepayang, representing rural schools. A total of 100 pupils were involved in this survey. The vocabulary structures which were given emphasis were nouns, verbs and adjectives. The findings revealed that out of the 100 in the sample study, only 46.00% of the pupils had mastered more than the average mean of 17.16 words. This phenomenon shows that the majority of pupils, that is more than 50.00%, have not acquired mastery over good vocabulary usage. After comparing, it is evident that there exists a better mastery of the Malay vocabulary among pupils in urban schools as compared to rural schools. The research also proves that gender is not a decisive factor in the mastery of Bahasa Melayu vocabulary although previous research showed on the contrary. In conclusion, this research shows that the mastery of vocabulary among primary school pupils is influenced greatly by the family's socioeconomic background. It is hoped that the findings of this research will help other researchers to explore further other relevant areas.



## KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	9
1.3	Tujuan Kajian	15
1.4	Soalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Batasan Kajian	18
1.7	Definisi Istilah	20

### BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep Penguasaan Bahasa	26
2.2.1	Perkembangan Bahasa Dan Kognitif	27
2.2.2	Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget	31
2.2.3	Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Vygotsky	38
2.3	Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara	43
2.4	Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara	48
2.5	Isu Berkaitan Pengaruh sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara	52

2.6	Isu Berkaitan Pengaruh sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara	60
2.7	Kesimpulan	67

### **BAB 3           METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	69
3.2	Rekabentuk Kajian	70
3.3	Tempat Kajian	71
3.4	Subjek Kajian	71
3.5	Alat Kajian	74
	3.5.1 Ujian Penulisan	74
	3.5.2 Soal Selidik	74
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	75
	3.6.1 Menjalankan Ujian Dan Soal Selidik	75
3.7	Kajian Rintis	76
3.8	Prosedur Penganalisan Data	77
	3.8.1 Menganalisis Karangan	76
	3.8.2 Menganalisis Soal Selidik	79
3.9	Kesimpulan	80

### **BAB 4           DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Dapatan Kajian	82
	4.2.1 Penguasaan Perbendaharaan Kata Murid Tahun Enam	83
	4.2.2 Perbezaan Penguasaan Kata Nama Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar	87
	4.2.3 Perbezaan Penguasaan Kata Kerja Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar	89
	4.2.4 Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar	91

4.2.5	Perbezaan Perbendaharaan Kata Berdasarkan Jantina	93
4.2.6	Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu	95
4.2.7	Faktor-Faktor Lain Yang Memberi Kesan Kepada Penguasaan Perbendaharaan Kata	110
4.3	Kesimpulan	113
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Kesimpulan	114
5.2	Cadangan	127
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	135
	Rujukan Lampiran	137



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Skema Pemarkahan bahasa Melayu UPSR	6
3.1	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah dan Jantina	72
3.2	Reka Bentuk Ujian Bertulis	74
4.1	Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	83
4.2	Perbezaan Penguasaan Kata Nama	87
4.3	Perbezaan Penguasaan Kata Kerja	89
4.4	Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif	91
4.5	Perbezaan Penguasaan Berdasarkan Jantina	93
4.6	Bilangan Adik Beradik	96
4.7	Tahap Pendidikan Ibu Bapa	98
4.8	Pendapatan Bulanan Keluarga	100
4.9	Pekerjaan Bapa	102
4.10	Pekerjaan Ibu	104
4.11	Penentuan Masa Belajar	106
4.12	Bantuan Semasa Mengulangkaji	107
4.13	Barang-Barang Sumber Maklumat	108
4.14	Mata Pelajaran Yang Diminat	110
4.15	Bilangan Karangan Yang Ditulis	111
4.16	Pencapaian Dalam Peperiksaan	112

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
3.1	Reka Bentuk Sampel	73
4.1	Jumlah Keseluruhan Penguasaan Perbendaharaan Kata	85
4.2	Perbezaan Penguasaan Kata Nama	88
4.3	Perbezaan Penguasaan Kata Kerja	90
4.4	Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif	92
4.5	Perbezaan Penguasaan Berdasarkan Jantina	94

## SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BPKBM	Buku Panduan Khas Bahasa Melayu
KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja
KA	Kata Adjektif
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistical Packages for the Social Sciences
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Apabila seseorang kanak-kanak memahami maksud sebahagian besar perkataan, ia dikatakan mempunyai perbendaharaan kata yang luas. Pemahaman ini ditambah lagi dengan keupayaan kanak-kanak menggunakan perkataan tersebut, untuk menjelaskan atau membincangkan perkara-perkara yang bersabit dengan sesuatu bidang, sama ada secara lisan atau tulisan (Koh Boh Boon, 1982).

Menurut Ashworth dan Wakefield (1994), kanak-kanak memerlukan penguasaan bahasa dalam bentuk perkataan, iaitu perkataan yang dapat menceritakan, mengembangkan dan juga menanyakan apa sahaja yang dialami. Keperluan untuk penguasaan bahasa wujud kerana perbendaharaan kata memainkan peranan sebagai wahana pemikiran, pernyataan sendiri, penterjamaan dan alat untuk berkomunikasi (Adil, 1988).

Oleh itu, tidak hairanlah jika kanak-kanak suka bertutur ataupun bertanya tentang perkara yang kurang difahami untuk mendapatkan penjelasan lanjut, agar konsep dan skim baharu yang dipelajari atau diperoleh lebih difahami. Perkataan dan konsep dikatakan mempunyai hubung kait yang erat antara satu sama lain. Hubung kait ini wujud kerana kehadiran perkataan baharu yang membantu penciptaan konsep dan skim-skim baharu (Bee, 1992).

Di sekolah, penegasan tentang pentingnya penguasaan bahasa dapat dilihat dalam kata pendahuluan Sukatan Pelajaran iaitu:

Matlamat Sukatan Pelajaran ini ialah untuk membolehkan murid-murid mencapai penguasaan bahasa yang sesuai mengikut peringkat darjah dan peringkat persekolahan. Oleh itu, guru-guru hendaklah mementingkan dan menegaskan penggunaan, pemakaian dan kemahiran bahasa.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Sekolah-Sekolah Rendah, 1998)

Penegasan yang sama dapat juga dilihat dalam kata-kata pendahuluan Huraian

Sukatan Pelajaran Tahun Enam iaitu:

Huraian Sukatan Pelajaran dimuatkan senarai kecekapan berbahasa untuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, serta aspek tatabahasa, penjodoh bilangan, peribahasa, dan perbendaharaan kata yang sesuai bagi peringkat persekolahan murid.

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 6, 1998)

Pada peringkat sekolah rendah, seseorang murid dikatakan dapat menguasai bahasa sekiranya dapat bertutur dan menulis dengan betul serta dapat memahami apa yang didengar dan dibacanya. Mengikut tokoh bahasa, Nik Safiah Karim (1981 : 129 ) proses mempelajari bahasa ini mengambil masa antara umur satu tahun hingga kira-kira lima belas tahun. Di sini jelaslah bahawa pada peringkat umur sedemikian, soal

penguasaan bahasa khususnya perbendaharaan kata menjadi perkara yang mustahak dan penting.

Apabila kanak-kanak memasuki alam persekolahan, stok bahasa kanak-kanak terus berkembang dari satu tahap ke satu tahap, daripada yang mudah kepada bahasa yang lebih kompleks melampaui alam kanak-kanak. Seal (1991) mendapati lebih banyak perkataan seseorang itu ketahui, bertambah luaslah pengetahuan perbendaharaan katanya. Apabila pengetahuan perbendaharaan kata luas, maka gaya bahasa kanak-kanak tersebut turut berkembang.

Smith (1983) menegaskan,

Sebaik sahaja sesuatu perkataan mula digunakan secara lazim, kita gemar memberi makna seberapa banyak yang mungkin; Hal ini merupakan ciri umum untuk semua bahasa di dunia dan mencerminkan bagaimana otak manusia berfungsi dengan baik, iaitu menggunakan beberapa unsur dengan cara yang berkesan daripada menggunakan banyak unsur dalam cara yang terhad.

Pernyataan di atas memberi implikasi bahawa kecerdasan individu boleh diuji melalui cara individu tersebut menggunakan perkataan dan maksud perkataan tersebut. Keadaan ini menjelaskan lagi bahawa perbendaharaan kata yang luas penting untuk menguasai sesuatu bahasa.

Kanak-kanak mula sedar bahawa perkataan yang digunakan seharian boleh diklasifikasikan ke dalam empat golongan kata utama, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas. (Nik Safiah Karim et.al. 1996). Menurut Kail dan Wick-Neilson (1993) pula, menguasai kata dasar lebih mudah berbanding dengan kata tugas. Tambahan pula, Michael (1997) berpendapat keupayaan mengenal pasti kata dasar



dan golongan kata hasil daripada penggunaan kata dasar dan imbuhan yang sesuai, dapat membantu pelajar memindahkan konsep-konsep yang dipelajari daripada satu perkataan kepada perkataan yang lain.

Lantaran itu, pembelajaran pembinaan kata yang sistematik dan praktikal melalui kata dasar dan imbuhan dapat memperkaya perbendaharaan kata murid berkenaan. (Davies, 1978). Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa perbendaharaan kata yang dikuasai oleh individu menjadi pernyataan asas kemampuannya dalam berbahasa.

Kepelbagaian bahasa dan perbezaan penguasaan bahasa mewujudkan persoalan, bagaimanakah seseorang kanak-kanak boleh menguasai bahasa? Ahli-ahli psikologi dan linguistik berpendapat, pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berlaku sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat menurut perkembangan otak, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal anak itu sendiri. (Kamarudin, 1990).

Menurut Mangantar Simanjuntak ( 1987 : 158 ), pemerolehan bahasa ialah satu proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak yang melibatkan dua aspek, iaitu kecekapan (*competence*) dan perlakuan (*performance*). Kecekapan (*competence*) dan perlakuan (*performance*) yang dimiliki oleh kanak-kanak mampu menghasilkan seberapa banyak rumus-rumus bahasa bergantung pada pengetahuannya tentang peraturan bahasa yang ada. Kedua-dua perkara tersebut sangat mustahak kerana kecekapan (*competence*) berfungsi untuk menghasilkan ujaran atau ayat dalam bentuk perlakuan (*performance*).



Ahli psikolinguistik , Jean Piaget (1955 : 145:154 ) menjelaskan proses penguasaan bahasa kanak-kanak dapat dibahagikan kepada empat peringkat iaitu:

- i. Peringkat motor deria
- ii. Peringkat pemikiran operasi pra
- iii. Peringkat operasi konkrit
- iv. Peringkat operasi formal

Sesuai dengan tahap kanak-kanak pada peringkat operasi konkrit, (umur tujuh hingga dua belas tahun) mereka sewajarnya boleh menguasai bahasa dengan cara yang logik. Dalam proses menguasai bahasa pada peringkat ini, kanak-kanak harus mengetahui sebilangan perbendaharaan kata bagi membolehkan mereka berkomunikasi antara seorang dengan seorang yang lain.

Seterusnya seseorang kanak-kanak dapat melahirkan buah fikiran secara lisan atau bertulis sekiranya saiz perbendaharaan katanya sesuai dengan peringkat umurnya. Sebilangan perbendaharaan kata yang memadai merupakan asas bagi aktiviti dalam aspek lisan, bacaan dan penulisan.

Kita perlu membolehkan murid menggunakan perbendaharaan kata dalam beberapa konteks yang menimbulkan maksud atau menunjukkan suasana tertentu. Menurut Anderson & Freebody (1981), kanak-kanak yang mempunyai perbendaharaan kata yang lebih baik menunjukkan kemampuan yang lebih baik dalam ujian pemahaman. Tegasnya, kemahiran mengenal pasti perkataan merupakan komponen yang penting dalam memahami bahasa bertulis.



Dalam penulisan karangan, murid dapat mengikut situasi-situasi tertentu. Penulisan karangan memerlukan kemahiran dalam menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkaikata dan juga untuk mencapai kemahiran dalam menyampaikan idea, fakta dan sebagainya.

Menurut Straw dalam Abdul Aziz ( 1985: 696), faktor utama yang dianggap penting dan dapat mempengaruhi kualiti karangan ialah perbendaharaan kata, sintaksis, penyusunan dan gaya. Perbendaharaan kata turut memainkan peranan penting dalam empat kemahiran bahasa, iaitu bertutur, menulis, mendengar, dan membaca. (Ghadessy, dilihat dalam Supki Haji Sidek, 1988:727).

Dalam penilaian karangan pada peringkat sekolah rendah, karangan dinilai berdasarkan dua bahagian, iaitu aspek isi dan bahasa. Dalam aspek bahasa pula, perbendaharaan kata merupakan salah satu kriteria utama untuk mendapatkan markah yang baik. Berdasarkan skema pemeriksaan kertas bahasa Melayu UPSR, lima aspek bahasa diberikan perhatian dalam menilai karangan adalah seperti berikut.

Jadual 1.1

Skema Pemarkahan Bahasa Melayu UPSR

Aspek Bahasa	Markah yang Diperuntukkan
Perbendaharaan kata	3
Struktur ayat	3
Imbuan	3
Tanda Baca	3
Ejaan	3
Jumlah	15

Seperti yang diperuntukkan dalam skema tersebut, perbendaharaan kata menjadi salah satu aspek yang penting untuk mendapat markah yang baik dalam karangan. Dalam hal tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap masalah ini dan sentiasa mengambil berat terhadap perkara tersebut. Berdasarkan Buku Panduan Khas Bahasa Melayu (BPKBM) yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), murid yang memasuki sekolah mulai tahun satu dikehendaki mengenal dan mengetahui sejumlah perbendaharaan kata yang disenaraikan dalam bahagian akhir buku panduan tersebut.

Sistem peperiksaan yang diwujudkan bukan sekadar dapat dilihat sebagai satu cara penilaian terhadap kemampuan murid, tetapi boleh dijadikan sebagai salah satu cara bagi kita untuk melihat arah dan kemampuan berbahasa dengan baik dalam kalangan murid yang merupakan generasi muda yang bakal menentukan jatuh banggunya bahasa Melayu pada masa hadapan. Awang Sariyan (1980:2) berpendapat,

Perbincangan orang tentang kepincangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu banyak berlegar di sekitar masalah penggunaan bahasa dalam kalangan murid baik yang tergambar melalui keputusan peperiksaan mahupun yang terpancar melalui penggunaan bahasa mereka sesudah tamat sekolah, iaitu sesudah mereka menjadi pentadbir, penulis, guru dan sebagainya

Perkembangan bahasa kanak-kanak normal boleh mengalami perubahan apabila ia bersua dengan pelbagai situasi bahasa yang memerlukan mengembangkan perbendaharaan kata demi meneruskan sesuatu reaksi. Sesungguhnya, tidak semua kanak-kanak mampu menguasai bahasa mengikut kadar yang sama daripada segi jangka masa mahupun prestasi kemahirannya. Terdapat faktor lain yang

turut mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata murid. Perbezaan ini amat ketara kerana ketidakseimbangan faktor-faktor tersebut yang melingkungi diri kanak-kanak.

Menurut Kajian Keciciran (1973 : 22 ), faktor latar belakang termasuklah pendidikan ibu bapa, taraf sosioekonomi, jarak jauh dengan sekolah, kedudukan di kawasan luar bandar dan jantina diambil kira sebagai faktor yang agak dominan mempengaruhi penguasaan bahasa.

Ibu bapa mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap penguasaan perbendaharaan kata anak-anak mereka. Tugas ibu bapa bukan sahaja memberi makanan dan layanan yang secukupnya serta kasih sayang yang memuaskan, tetapi daripada segi perkembangan kognitifnya juga harus dititikberatkan, yakni perkembangan pemikiran dan penguasaan bahasanya.

Kajian yang dilakukan oleh Mangantar Simanjuntak terhadap peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, menunjukkan mereka mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak. Menurutnya:

“Ibu bapa merupakan satu pragmatik kepada kanak-kanak. Yang dimaksudkan dengan pragmatik ialah persekitaran atau konteks di mana sesuatu ucapan itu diterbitkan di dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Jadi tanpa pragmatik yang cukup tidak mungkin sesuatu erti diperolehi oleh si anak”  
( 1983 : 693 )

Banyak kajian yang terdahulu membuktikan bahawa prestasi pelajaran murid di bandar lebih baik berbanding dengan prestasi pelajaran murid di luar bandar.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Olive Banks (1976 : 7 ), faktor persekitaran keluarga yang boleh menjejaskan pencapaian kanak-kanak kelas rendah ialah kemiskinan. Kebanyakan ibu bapa daripada kumpulan status sosioekonomi rendah kurang mempunyai pandangan yang positif terhadap pelajaran. Jelaslah bahawa murid dari luar bandar rata-ratanya miskin dan mundur dalam pelajaran kerana sikap dan pengaruh keluarga mereka.

Tambah beliau, golongan miskin mengalami keadaan serba kekurangan daripada segi sosialisasi sebelum bersekolah. Daripada segi kepetahan pertuturan, intelek dan dorongan, mereka ini mundur. Murid daripada golongan miskin ini tidak mempunyai penbendaharaan kata yang cukup.

Oleh sebab terdapatnya perbezaan faktor latar belakang murid, maka pengkaji berminat untuk menjalankan kajian berhubung dengan taraf penguasaan penbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Melayu khususnya, gempar dengan berita tentang kemerosotan dan kegagalan sebilangan besar murid Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Awang Sariyan (1988 : 215 ). Rasa tidak puas hati terhadap pihak-pihak tertentu diluahkan. Ibu bapa menuduh guru tidak mengajar dengan baik. Guru pula mendakwa murid kurang berusaha. Selain itu, ditimbulkan juga soal bahasa di dalam buku teks yang kurang sempurna, sistem pengajaran bahasa di sekolah-sekolah yang tidak betul, sistem bahasa yang belum mantap dan berbagai-bagai lagi.

Beberapa kenyataan di atas ada kebenarannya, berhubung dengan kelemahan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid baik pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Keadaan ini merujuk kepada aspek pengajaran perbendaharaan kata kurang diberi perhatian yang serius. Pengajaran perbendaharaan kata hanya merupakan satu sesi pengenalan bagi kegiatan bacaan dan kefahaman. Dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, sesuatu petikan dibaca secara senyap oleh semua murid dan secara kuat oleh beberapa orang murid. Kegiatan seterusnya, sesi menjawab soalan ini (sama ada dijalankan di dalam kelas atau sebagai kerja rumah) diselitkan kegiatan perbendaharaan kata.

Pada keseluruhannya, bentuk-bentuk pengajaran perbendaharaan kata di sekolah boleh disimpulkan seperti yang berikut:

- a) Guru memberi penerangan secara langsung kepada murid makna perkataan baharu dan sukar.
- b) Guru meminta murid memberi makna perkataan-perkataan baharu setelah petikan dibaca.
- c) Guru memberi perhatian pada beberapa perkataan yang penting dan kemudiannya meminta murid membuat ayat.
- d) Memberi latihan dan kerja rumah kepada murid supaya mencari makna perkataan dan membentuk ayat dengan menggunakannya.

Pada amnya, bentuk kegiatan pengajaran perbendaharaan kata sebegini adalah terpisah-pisah. Menurut Marohaini Yusuf (1989 : 54 ), kegiatan pengajaran perbendaharaan kata tidak memperlihatkan perkaitan antara perkataan-perkataan yang

diketahui maknanya (pengetahuan sedia ada) dengan perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan atau diajarkan. Pembinaan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid tentang sesuatu perkataan atau konsep sangat perlu untuk kejayaan murid menguasai sesuatu bahasa itu.

Di sini Stieglitz ( 1983 : 71 ) menegaskan, kejayaan seseorang murid untuk menjadi cekap dan mahir dalam penggunaan apa jua bahasa sekalipun, pada sebahagiannya bergantung kepada luas dan kayanya pengalaman dan konsep-konsep yang dipelajarinya. Jika pengalaman ini tidak dijana dengan betul, maka hasilnya penguasaan perbendaharaan kata berada di tahap yang minimum.

Menurut Nathesan ( 1999 ), tanpa perbendaharaan kata yang cukup, orang tidak dapat menyatakan sesuatu dengan baik dan berkesan. Hal ini sesungguhnya amat penting bagi murid di sekolah dan di institusi pendidikan di negara kita supaya mereka tidak mengabaikan penguasaan perbendaharaan kata.

Tambah beliau, murid lemah dalam perbendaharaan kata sehingga tidak dapat menghasilkan karangan yang baik dan berkesan. Keadaan ini menimbulkan keluhan dan rintihan para guru kita di sekolah, tidak kira sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Murid memerlukan perbendaharaan kata yang secukupnya untuk mencapai maksud di atas. Hal ini sudah tentulah berkait rapat dengan sejauh mana murid dapat menguasai dan membentuk perkataan menurut tatabahasa yang dikuasainya. Kelemahan penguasaan perbendaharaan kata boleh menyebabkan pemilihan perkataan

bagi menyampaikan sesuatu pendapat itu tidak sesuai atau tidak tepat. Isi juga tidak dapat ditulis dengan sepenuhnya. Hasilnya wujudlah sebuah karangan yang kurang mutunya.

Dalam sektor pendidikan, masih banyak masalah yang kita hadapi. Mutu bahasa para pelajar dan lulusan institusi pendidikan, jelas masih pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini dengan sendirinya menggambarkan mutu pengajaran bahasa di semua peringkat di negara ini.

Bagi menjelaskan maksud di atas, Koh Boh Boon ( 1989 : 325 ) membuat kesimpulan dalam kajiannya, bahawa pada keseluruhannya, taraf penguasaan perbendaharaan kata yang diperlihatkan oleh kumpulan bakal guru bahasa Melayu adalah tidak memuaskan. Perlakuan yang tidak memuaskan ini adalah petunjuk jelas kekurangan dalam kecekapan bahasa Melayu dan ini dijangka memberi kesan kepada pengajaran mereka di sekolah kelak.

Kini, kita tidak seharusnya bergantung pada “rasa bahasa” atau intuisi sahaja untuk menguasai bahasa, kecuali jika maksud penguasaan bahasa itu terbatas kepada keupayaan berbahasa lisan sahaja. Penguasaan perbendaharaan kata haruslah dilakukan secara sistematik dan secara bersungguh-sungguh. Caranya tidak lain daripada mempelajari sistem bahasa dan perbendaharaan kata itu sendiri.

Hasil daripada tinjauan pendapat di atas, jelas memperlihatkan bahawa pencapaian bahasa Melayu murid adalah banyak bergantung kepada pengajaran guru di sekolah. Taraf pencapaian murid dalam bahasa Melayu mempunyai pertalian yang

rapat dengan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah, seperti yang dilaporkan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979:85). Suasana dan kehendak semasa sistem pendidikan di negara ini juga perlu diberi perhatian, yang membantu memungkinkan timbulnya masalah ini.

Kelemahan-kelemahan di atas berpunca daripada berbagai-bagai faktor dan mungkin salah satu daripadanya ada kaitan dengan masalah penggunaan perbendaharaan kata yang terdapat di dalam buku teks yang tidak seimbang dengan peringkat prestasi murid yang menggunakan bahan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Abdul Samat Saberan (1981:125). Ketidakseimbangan ini amat jelas dan seolah-olah pihak penerbit hanya memikirkan keuntungan tanpa mengambil kira langsung tentang martabat bahasa itu sendiri.

Kajian Keciciran (1973 : 48) juga mendapati bahawa wujud keadaan yang tidak seimbang yang disediakan untuk golongan fakir miskin luar bandar, berbanding dengan golongan yang beruntung di bandar. Seterusnya Kajian Keciciran ini juga melaporkan daripada segi kepetahan pertuturan, intelek dan dorongan, golongan miskin di luar bandar adalah mundur. Mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata yang cukup. Lantaran itu, murid-murid ini tidak dapat menyampaikan buah fikiran mereka dengan baik dalam aktiviti lisan ataupun tulisan. Hal ini disokong oleh Atan Long (1988 : 287) yang menegaskan kanak-kanak daripada kelas sosioekonomi yang rendah agak lambat bercakap berbanding dengan kanak-kanak daripada kelas sosioekonomi yang tinggi.



Kajian oleh Kamaruddin Abdul Rahman (1982:162) juga mendapati bahawa keadaan latar belakang boleh mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata. Kebanyakan daripada kajian mengenai penguasaan perbendaharaan kata yang dilakukan terhadap bahasa Inggeris di negara-negara perindustrian, mendapati bahawa terdapat hubungan antara pencapaian bahasa dengan kawasan kediaman. Walaupun faktor ini kemungkinan tidak menjadi faktor yang paling dominan tetapi ternyata ada kebenarannya berlaku, kerana penghuni-penghuni kawasan kediaman mewah kebanyakannya lebih peka terhadap penguasaan perbendaharaan kata anak-anak mereka.

Di Malaysia, kajian Ishak Haron (1977: 50-51) menunjukkan murid Melayu di bandar pada umumnya, mencapai keputusan yang lebih baik daripada murid Melayu yang tinggal di luar bandar. Perbezaan pencapaian mengikut kawasan kediaman ini menyeluruh bagi semua mata pelajaran termasuk bahasa Melayu. Kecenderungan ibu bapa dalam menyediakan bahan bacaan yang sesuai bagi perkembangan minda anak-anak kian meluas dalam kalangan keluarga di luar bandar, tetapi masih lagi belum dapat menyaingi ibu bapa di kawasan bandar yang rata-ratanya mempunyai pendapatan yang lebih tinggi.

Tidak semua kanak-kanak menguasai bahasa mengikut kadar yang sama. Perbezaan ini amat ketara kerana ketidakseimbangan faktor-faktor yang melingkungi diri kanak-kanak. Beberapa keadaan memberikan kesan langsung dalam keupayaannya berbahasa. Masalah penguasaan bahasa tidak boleh selesai hanya dengan saling meletakkan kesalahan kepada pihak yang lain.

Faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa khususnya perbendaharaan kata perlu dikaji dan tindakan perlu diambil dengan segera. Jika setiap orang dapat melaksanakan tugas masing-masing, tidak mustahil bahawa suatu masa kelak kita boleh mempunyai guru, murid, pentadbir, pensyarah, ibu bapa dan anggota masyarakat yang dapat menguasai bahasa dengan baik.

### 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun Enam. Kajian ini diusahakan untuk melihat penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid sekolah rendah yang sudah didedahkan dengan konsep karangan.

Pengkaji ingin melihat secara khusus jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai oleh setiap murid Tahun Enam yang dikaji mengikut kategori Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif. Jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai oleh setiap murid mengikut kawasan terletaknya sekolah mereka, iaitu kawasan bandar dan luar bandar juga dikaji.

Selain itu, faktor jantina juga diambilkira dalam menentukan penguasaan perbendaharaan kata. Pengkaji juga ingin melihat sejauh mana sosioekonomi keluarga mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid sekolah rendah.

## 1.4 Soalan-Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan yang berikut:

- i) Melihat sejauh mana murid Tahun enam dapat menguasai perbendaharaan kata yang sesuai dalam konteks ayat yang lengkap.
- ii) Apakah perbezaan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu antara murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar daripada segi:
  - i) kata nama
  - ii) kata kerja
  - iii) kata adjektif
- iii) Adakah terdapat perbezaan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun enam berdasarkan jantina.
- iv) Menganalisis sejauh mana pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ilmiah ini diharap dapat membantu menyempurnakan proses pendidikan bahasa Melayu seperti berikut:

1. Hasil daripada kajian ini dapat diketahui penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar. Di samping itu, kajian ini dapat memberikan

maklumat tentang pencapaian murid lelaki dan murid perempuan dalam konteks yang sama serta faktor yang dikenalpati membantu dalam proses penguasaan perbendaharaan kata.

2. Dapatan kajian yang dibincangkan dapat mencerminkan bahagian kelemahan murid khususnya penguasaan perbendaharaan kata dalam konteks ayat yang lengkap. Dengan itu, guru yang bertanggungjawab mengajar darjah yang berkenaan lebih mudah merancang strategi pengajaran dan pembelajaran bagi mengatasi kelemahan tersebut. Pihak pentadbir sekolah juga dapat mengenal pasti kelemahan penguasaan bahasa murid dan sekaligus dapat mencari teknik yang kukuh dan sesuai untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

3. Maklumat ini juga boleh dijadikan sebagai panduan dalam menyusun dan menyediakan bahan bacaan dengan memilih perbendaharaan kata yang sesuai dengan peringkat umur mereka. Kepentingan ini boleh dimanfaatkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dalam merangka dan memperkemaskan kurikulum mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah.

4. Kajian ini juga dapat memberi bantuan kepada pihak penerbit buku dalam mempertimbangkan pemeringkatan kesukaran perkataan-perkataan atau ayat-ayat yang hendak didedahkan kepada murid yang berada dalam pelbagai peringkat kemahiran dan penguasaan bahasa.

5. Kajian ini juga berguna kepada ibu bapa. Dengan pendedahan ini, ibu bapa dijangka menyedari tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam membantu meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu anak-anak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.
  
6. Kajian ini diharap dapat memberikan panduan kepada murid tentang kepentingan mereka menguasai perbendaharaan kata yang luas untuk digunakan dalam aspek-aspek bahasa seperti dalam lisan, bacaan, penulisan dan kefahaman. Selain itu, murid dapat menguasai bagaimana menggunakan perkataan yang sesuai dan tepat bagi menyatakan idea atau isi, agar disampaikan dengan jelas dan terang.

7. Kajian ini menjelaskan dan memberi kefahaman tentang pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid bukanlah semata-mata merupakan soal pengajaran di bilik darjah tetapi soal sosial dan ekonomi keluarga itu sendiri.

## 1.6 Batasan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang terdahulu, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam bidang akademik, khususnya penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun kajian ilmiah ini ditulis dengan merujuk kepada data soal selidik dan ujian bertulis pada peringkat sekolah rendah sahaja. Tumpuan diberikan kepada murid Tahun enam dengan dua lokasi yang berbeza iaitu:

1. SK Manjoi 1 , Ipoh (mewakili sekolah bandar)
2. SK Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh ( mewakili sekolah bandar)
3. SK Jalan Pengkalan Pegoh , Lahat ( mewakili sekolah luar bandar)
4. SK Pengkalan Baru , Kampung Kepayang ( mewakili sekolah luar bandar)

Kajian yang lalu sering mengambilkira beberapa faktor utama yang membantu penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu seperti peluang pendidikan, sifat fizikal sekolah, pembelajaran dan sikap murid, motivasi dan galakan serta kaedah pengajaran guru.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji memilih faktor sosioekonomi keluarga sebagai salah satu faktor yang dianggap memberi kesan dalam proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah kerana terdapat banyak perkara atau pembolehubah yang boleh dikaitkan dengannya.

Kajian ini, dibataskan kepada perkara seperti berikut:

1. latar belakang pendidikan keluarga
2. Pendapatan keluarga
3. Besar atau kecilnya jumlah ahli sesebuah keluarga
4. Peranan ahli keluarga
5. Aspek kebendahaan yang disediakan di rumah

Sebagai kesimpulannya kajian ini membincangkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar. Faktor lokasi dan faktor sosioekonomi keluarga diambil kira sebagai penyumbang terbesar dalam menentukan pencapaian penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

## 1.7 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Di bawah ini, dijelaskan maksudnya sepertimana yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

### 1.7.1 Penguasaan bahasa

Penguasaan bahasa merujuk aspek atau bidang perkataan yang dikuasai oleh murid berdasarkan setiap perkataan yang disediakan. Bidang ini merangkumi istilah-istilah dalam pelbagai bidang, bentuk kata dan rangkaian kata yang sesuai dengan keupayaan murid tersebut. Perkataan yang diketahui dan dikuasai boleh menggambarkan luas atau tidak penguasaan individu tersebut.

### 1.7.2 Perbendaharaan Kata

Kumpulan atau saiz perkataan yang dikuasai oleh murid yang dapat menunjukkan pelbagai aspek atau maksud yang tersurat dan tersirat. Makna pula merangkumi makna menurut konsep, fungsi, jenis, kegunaan dan penggunaan perkataan dalam pelbagai konteks bahasa, laras dan ragam bahasa. Fowler (1982) berpendapat perbendaharaan kata sebagai:

Perbendaharaan kata mungkin dilihat sebagai satu peta yang terdiri daripada penjelmaan fikiran yang penting sesuatu budaya... lahir daripada bidang kepakaran tertentu, institusi dan perhubungan, kepercayaan, dan nilai-nilai sesuatu komuniti.  
(m.s.65)

### 1.7.3 Bahasa Melayu

Perlembagaan Malaysia Perkara 152, menyatakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Berdasarkan Akta Pelajaran 1956 (Laporan Razak) dan Laporan Rahman Talib 1960, bahasa Melayu dijadikan bahasa penghantar di semua sekolah bantuan kerajaan daripada peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. (kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil). Akta Bahasa 1965/1967 menyatakan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi. Mulai tahun 1970, semua murid Tahun satu menggunakan bahasa penghantar bahasa Melayu (kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil).

Pertukaran nama 'Bahasa Melayu' kepada 'Bahasa Malaysia' bermula selepas tragedi 13 Mei 1969. Atas kepentingan politik nasional, pertukaran tersebut bagi tujuan pemupukan perasaan 'Bahasa Malaysia' milik semua bangsa di Malaysia. Penggunaan perkataan Bahasa Malaysia berlanjutan sehingga tahun 1998. Setelah kestabilan politik kebangsaan meredakan keadaan, dan kini ungkapan Bahasa Melayu digunakan semula dalam pendidikan.

### 1.7.4 Murid Tahun Enam

Murid Tahun enam bermaksud semua murid yang sedang belajar dalam tahun keenam, iaitu tahun terakhir sekolah rendah.



### 1.7.5 Sekolah Rendah

Sekolah rendah ialah peringkat persekolahan antara umur tujuh hingga dua belas tahun. Murid-murid sekolah rendah menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan diwajibkan mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di akhir Tahun Enam.

### 1.7.6 Bandar

Menurut Laporan Banci Tahunan Malaysia (1980:8 ), kawasan Majlis Daerah yang mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 orang atau lebih dianggap sebagai bandar. Kawasan bandar sememangnya mempunyai kemudahan asas yang lengkap dan masyarakat bandar rata-ratanya menjalani hidup yang selesa daripada segi taraf hidup. Masyarakat bandar berbeza dengan masyarakat luar bandar dalam aspek seperti berikut:

- i. jenis dan corak pekerjaan yang luas
- ii. keadaan saiz masyarakat yang lebih besar
- iii. bilangan penduduk yang ramai
- iv. peluang mobiliti sosial yang lebih tinggi
- v. adanya dunia sosial yang lebih besar

### 1.7.7 Luar Bandar

Menurut Laporan Banci Tahunan Malaysia (1980:8 ), semua kawasan Majlis Daerah yang mempunyai penduduk kurang daripada 10,000 orang dianggap sebagai kawasan luar bandar. Menurut Atan Long, masyarakat luar bandar kebanyakannya berada dalam keadaan miskin, mengamalkan cara kehidupan yang kerap dihubungkan dengan cara tradisi atau kebiasaannya yang diwarisi turun-temurun.

Walaupun suasana di luar bandar adalah tenang, kurang bergolak dan semuanya berjalan tanpa terburu-buru namun, kemudahan pendidikan masih jauh tertinggal jika dibandingkan dengan keadaan di bandar. Masyarakat luar bandar mengalami pembangunan yang perlahan berbanding dengan pembangunan sosial yang progresif di bandar. Masyarakat luar bandar berbeza dengan masyarakat bandar dalam aspek seperti berikut:

- vi. jenis dan corak pekerjaan yang terhad
- vii. keadaan saiz masyarakat yang lebih kecil
- viii. bilangan penduduk yang lebih rendah
- ix. kualiti alam sekitar yang lebih tinggi
- x. perbezaan sosial yang lebih kompleks
- xi. peluang mobiliti sosial yang lebih rendah
- xii. adanya dunia sosial yang lebih kecil
- xiii. perpaduan sosial yang lebih kuat

Perkara ini menyebabkan mereka kurang bersedia untuk menerima pengajaran guru. Dalam kajian ini pembahagian bandar dan luar bandar dilakukan menurut kriteria yang disebut di atas oleh pengkaji.

### 1.7.8 Jantina

Menurut Kamus Dewan Edisi Baharu (1993: 518) jantina diistilahkan sebagai jenis kelamin (laki-laki atau perempuan)

### 1.7.9 Sosioekonomi

Daripada laporan kajian keciciran yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1973 mentakrifkan sosioekonomi sebagai satu istilah untuk menyatakan kedudukan seseorang berbanding dengan orang lain. Biasanya pekerjaan dan pendidikan digunakan untuk menempatkan seseorang pada beberapa peringkat dalam tangga taraf sosioekonomi. Menurut laporan tersebut, ada tiga kategori yang biasa digunakan untuk menentukan taraf seseorang.

Kategori ini adalah tinggi, sederhana dan rendah. Seseorang yang menerima pendidikan di universiti menerima pendapatan yang lumayan dan mempunyai kehidupan yang senang, ditempatkan pada kedudukan taraf sosioekonomi yang tinggi berbanding dengan orang lain. Seseorang yang tidak mempunyai pendidikan tinggi ataupun tidak berpendidikan, berpendapatan kecil, menghadapi kehidupan yang sempit, ditempatkan pada taraf sosioekonomi yang rendah. Seseorang yang menduduki tempat yang sederhana, iaitu tidak kaya atau miskin ditempatkan pada taraf sosioekonomi yang sederhana.

### 1.7.10 Keluarga

Menurut Kamus Dewan Edisi Baharu (1993: 620) keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri atau berserta anak-anak.

### 1.7.11 Penulisan Karangan

Penulisan bermaksud perihal atau kegiatan yang berkaitan dengan menulis atau mengarang, atau hasil daripada menulis atau mengarang (Kamus Dewan, 1993:1484). Penulisan merupakan satu proses kreatif yang melibatkan faktor-faktor kognitif dan

linguistik, dan proses pemindahan idea daripada minda kepada kertas tulis. Karangan pula bermaksud rekaan, gubahan atau ciptaan seperti cerita, cerpen, novel, dan lain-lain (Kamus Dewan, 1993). Mengarang bererti membuat beberapa ayat yang berhubungan dengan betul bagi menceritakan perihal sesuatu perkara. Setiap ayat itu terbina daripada beberapa perkataan yang tersusun sehingga dapat memberikan kefahaman.

### 1.7.12 Kata Nama

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata nama ialah sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda, atau konsep.

### 1.7.13 Kata Kerja

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen, dan keterangan.

### 1.7.14 Kata Adjektif

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata adjektif, yang juga dikenal sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu dan kata penguat.